

**COPY**



**KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
(KOPUTRA)**

**ATURAN-ATURAN KOPUTRA**

- 1. TABUNG MODAL INSAN**
- 2. TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA**
- 3. TABUNG ANUGERAH ANGGOTA**
- 4. TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR ANAK ANGGOTA**
- 5. TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN**



***KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
( KOPUTRA)***

**ATURAN  
TABUNG MODAL INSAN**



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG MODAL INSAN

#### 1. Pendahuluan

- 1.1 Aturan ini dinamakan Aturan-Aturan Tabung Modal Insan bagi menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan sumber manusia khusus kepada kakitangan dan ALK Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Bhd (KOPUTRA) agar dapat meningkatkan tahap pengetahuan, pemikiran, daya saing dan kecermelangan dalam bidang pengurusan koperasi.
- 1.2 Selaras dengan saranan oleh Kementerian Sumber Manusai amnya dan SKM khususnya, Koputra berhasrat untuk memperkenalkan Tabung Modal Insan pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA ke 26 sebagai usaha Koputra untuk meningkatkan daya saing dalam meningkatkan pertumbuhan perniagaan serta untuk membentuk sebuah koperasi yang mempunyai sistem nilai yang boleh diteladani dan dicontohi.
- 1.3 Fokus utama Tabung Modal Insan ini adalah untuk memberi galakan dan sokongan kepada Kakitangan, ALK dan JAD dalam usaha membina serta membangunkan modal insan yang bersifat holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang teguh.
- 1.4 Tabung ini akan menekankan dua elemen yang penting sebagai pelaburan masa depan dalam modal insan iaitu yang pertama pendidikan dan latihan melalui program lawatan sambil pelajar. Yang kedua pembelajaran dan perbincangan-perbincangan mengenai nilai hidup yang juga dianggap sebagai modal insan ke arah meningkatkan aset insan itu sendiri. Oleh itu modal insan adalah harta terpenting yang ada pada seseorang yang membawa kepada kestabilan pendapatan kepada Koputra.
- 1.5 Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil perkara 66.2 (d) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan pada Mesyuarat Agung Pewakilan dan pengetahuan Ketua Pendaftar.

#### 2. Tafsiran Berkaitan

- 2.1 "**Kakitangan**" ertinya warga kerja bertaraf tetap atau sambilan yang bergaji dengan koperasi ini sama ada telah atau belum di sahkan jawatan dan telah menerima tawaran pekerjaan berserta dengan syarat-syarat pekerjaan yang telah ditetapkan oleh koperasi ini;
- 2.2 "**Koperasi**" ertinya Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.3 "**ALK**" ertinya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung;



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG MODAL INSAN

- 2.4 "JAD" ertinya Juru Audit Dalaman Koperasi yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK);
- 2.5 "UUK" ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.6 "Biro" ertinya satu jawatankuasa atau kumpulan yang dilantik oleh ALK bagi memantau atau menguruskan perjalanan operasi pembiayaan koperasi dan melapurkan kepada ALK berlandaskan aturan-aturan pembiayaan;
- 2.7 "Pegawai" ertinya seseorang pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain lembaga dan termasuk Pengurus Besar Koperasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh lembaga, peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini;

#### **3. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk :-**

- 3.1 Meningkatkan ilmu pengetahuan serta mengembangkan minda kakitangan, ALK dan JAD dalam mentadbir dan memajukan koperasi diperingkat kebangsaan dan global.
- 3.2 Meningkatkan tahap pemikiran dan daya saingan kakitangan, ALK dan JAD dalam menangani cabaran dan rintangan semasa dan akan datang.
- 3.3 Meningkatkan kemahiran pengurusan Koperasi yang bermutu tinggi yang bertaraf global dan memenuhi kehendak pasaran semas.
- 3.4 Dapat melihat dan menilai peluang-peluang perniagaan yang berdaya maju untuk diceburi dan diusahakan bagi meningkatkan perniagaan Koputra.

#### **4. Sumber Kewangan.**

- 4.1 Kewangan bagi Tabung Modal Insan adalah diperolehi dari :-

- i. Dicadangkan 2% dari keuntungan bersih tahunan semasa KOUTRA dan tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Agung Tahunan yang dibolehkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi perkara 66. (2) (d).
- ii. Derma atau sumbangan dari kakitangan, ALK dan JAD bergantung kepada keputusan Mesyuarat Agung Tahunan.
- iii. Derma atau sumbangan dari lain-lain pihak.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG MODAL INSAN

#### 5. Pentadbiran Tabung

5.1 Tabung ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Koperasi atau Biro atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu. Lapuran tabung ini perlu dibentang dalam mesyuarat Lembaga Koperasi.

#### 6. Kelayakan Memohon

6.1 Lembaga Koperasi dan Biro Modal Insan atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu permohonan tertakluk kepada kelayakan pemohon serta syarat-syarat berikut :

- 6.2.1 Kakitangan Koputra tetap atau kontrak yang telah di sahkan dalam jawatan.
- 6.2.2 ALK Koputra
- 6.2.3 JAD Koputra

#### 7. Penggunaan Tabung

7.1 Tabung ini boleh digunakan bagi membiayai kos-kos seperti berikut :-

- a) Kos pendidikan dan latihan melalui program lawatan sambil pelajar dalam negara dan luar negara tertakluk negara asean sahaja.
- b) Kos menghadiri seminar dan perbincangan-perbincangan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.
- c) Menjalani kursus atau latihan kepakaran jangka pendek di dalam dan luar negara untuk tujuan meningkatkan tahap kecekapan dan pengetahuan dalam pengurusan koperasi.
- d) Menjalankan kerja penyelidikan melalui penempatan (attachement) di koperasi-koperasi atau syarikat dalam dan luar Negara yang berkaitan dengan pengurusan dan perniagaan Koputra.

#### 8. Pembayaran

8.1 Bayaran akan dibuat selepas mendapat kelulusan dari Biro yang telah dilantik oleh Lembaga atau terus kepada keputusan Anggota Lembaga Koperasi.

#### 9. Pindaan Aturan Tabung

9.1 Anggota Lembaga Koperasi KOPUTRA akan diberi mandat atau dibenarkan untuk meminda sebarang syarat dalam Aturan-Aturan Tabung Modal Insan KOPUTRA dari masa ke semasa berdasarkan kepentingan KOPUTRA dan mengikut kedudukan kewangan Koperasi.



**Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)**

**ATURAN TABUNG MODAL INSAN**

- 9.2 Keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga dalam menentukan kadar bayaran atau sumbangan yang boleh diberikan kepada sesuatu permohonan itu adalah muktamad.
- 9.3 ALK Koputra hendaklah membentangkan untuk makluman anggota-anggota koperasi di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi. Lapuran-lapuran mengenai aktiviti dan rancangan bagi masa-masa yang akan datang untuk diterima dan diluluskan.

Di akui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Pewakilan pada 24 April 2016.

  
.....  
**Hj. Ghazali Bin Ismail**  
**Pengerusi**

  
.....  
**Hj. Zaharuddin Bin Alias**  
**Setiausaha**

  
.....  
**Sazali Bin Sajidin**  
**Bendahari**



***KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
( KOPUTRA)***

**ATURAN  
TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA**



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

#### 1. Pendahuluan

- 1.1 Aturan ini dinamakan Aturan-Aturan Tabung Kebajikan Anggota bagi menjalankan aktiviti kebajikan Anggota Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Bhd (KOPUTRA) agar berjalan dalam keadaan teratur dan difahami oleh anggota koperasi.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil perkara 66. 2 (d) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan pada Mesyuarat Agung Pewakilan dan pengetahuan Ketua Pendaftar.

#### 2. Tafsiran Berkaitan

- 2.1 "**Anggota**" ertinya mana-mana orang yang telah diterima menjadi anggota koperasi ini serta telah menjelaskan sumbangan-sumbangan dan fi yang telah ditetapkan mengikut syarat-syarat keanggotaan koperasi ini;
- 2.2 "**Koperasi**" ertinya Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.3 "**ALK**" ertinya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung;
- 2.4 "**UUK**" ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.5 "**Biro**" ertinya satu jawatankuasa atau kumpulan yang dilantik oleh ALK bagi memantau atau menguruskan perjalanan operasi pembiayaan koperasi dan melapurkan kepada ALK berlandaskan aturan-aturan pembiayaan;
- 2.6 "**Pegawai**" ertinya seseorang pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain lembaga dan termasuk Pengurus Besar Koperasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh lembaga, peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini;
- 2.7 "**Derma**" ertinya sumbangan atau pemberian wang secara ikhlas yang dikeluarkan dari Tabung Kebajikan Am mengikut aturan-aturan ini.
- 2.8 "**Suami Isteri**" ertinya suami atau isteri atau isteri-isteri anggota koperasi ini yang sah disisi undang-undang.
- 2.9 "**Keluarga anggota**" ertinya termasuk anak-anak, anak-anak angkat anggota yang telah sah di sisi Undang-Undang Kerajaan Malaysia.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

- 2.10 "Sakit" ertiannya penyakit yang memudaraskan anggota dan memerlukan rawatan serta disahkan pegawai perubatan.
- 2.11 "Bencana Alam" ertiannya musibah atau malapetaka yang terjadi kepada anggota dan keluarga anggota yang disahkan oleh pihak berkuasa, ketua kampung, ketua jabatan dan majikan.

#### 3. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk :-

- 3.1 Membantu meringankan bebanan perbelanjaan anggota ketika dalam kesusahan disebabkan sakit berpanjangan, kematian anggota keluarga, bencana alam dan kebakaran.
- 3.2 Bagi menjalinkan semangat ukhwah dan kekeluargaan sesama anggota.
- 3.3 Selari dengan prinsip koperasi untuk membantu anggota.

#### 4. Modal Operasi dan Sumber Kewangan

- 4.1 Kewangan bagi Tabung Kebajikan Am adalah diperolehi dari :-

- i. Keputusan Mesyuarat Agung Tahunan yang memutuskan supaya tidak lebih dari **RM60,000.00** yang dibolehkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi perkara 66. (2) (d).
- ii. Derma atau sumbangan dari anggota bergantung kepada keputusan Mesyuarat Agung Tahunan.
- iii. Derma atau sumbangan dari anggota atau lain-lain pihak.

#### 5. Pentadbiran Tabung

- 5.1 Tabung kebajikan Am ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Koperasi atau Biro atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu. Lapuran tabung ini perlu dibentang dalam mesyuarat Lembaga Koperasi.

#### 6. Kelayakan Memohon

- 6.1 Lembaga Koperasi dan Biro atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu permohonan tertakuk kepada syarat-syarat berikut :-



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

#### 6.2 Kelayakan Pemohon

- 6.2.1 Anggota yang aktif dan membayar modal yuran bulanan (tidak pernah gagal) dan mencukupi modal syer minima.
- 6.2.2 Telah menjelaskan modal syer minima mengikut UUK
- 6.2.3 Dalam keadaan dimana suami isteri adalah anggota koperasi, maka salah seorang sahaja yang layak memohon.

#### 7. Permohonan Yang Dibenarkan

##### 7.1 Anggota yang layak memohon tabung ini hanya dibenarkan memohon sekali dalam satu tahun kewangan dengan syarat berikut :-

###### A. Kematian.

- i. Kematian keluarga anggota (pasangan/anak) dan ibubapa anggota
- ii. Kadar derma – **RM500.00**
- iii. Borang dan Dokumen
  - a. Sijil Kematian
  - b. Mengisi borang yang disediakan oleh pihak koperasi

###### B. Derma Bencana Alam

- i. Kejadian menimpa ke atas anggota dan kediamaan anggota disebabkan bencana alam atau malapetaka.
- ii. Kadar derma
  - Banjir/Ribut Taufan – Minima RM500 dan maksima **RM5,000.00**
  - Kebakaran – Minima RM500.00 dan maksima RM3,000.00
- iii. Borang dan Dokumen
  - a. Laporan pihak berkuasa, ketua kampong atau pihak bertanggungjawab yang telah disahkan benar salinan laporan oleh ketua jabatan/pengurus.
  - b. Gambar-gambar yang berkaitan kejadian.
  - c. Mengisi borang yang disediakan oleh pihak koperasi.

###### C. Sakit kronik yang berpanjangan

- i. Anggota dan keluarga terdekat anggota (pasangan/anak/ibubapa) mengalami **penyakit kronik** yang berpanjangan dan telah disahkan oleh pegawai



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

- perubatan dan terpaksa mendapat rawatan tidak kurang dari 60 hari.
- ii. Kadar derma
    - a. **RM1,000.00** layak sekali dalam 1 tahun kewangan koperasi
    - b. **Pasangan dan anak** layak mendapat **RM200.00**
  - iii. Borang dan Dokumen
    - a. Salinan rekod perubatan/**pengesahan sijil sakit** hospital berkenaan
    - b. Mengisi borang yang disediakan koperasi.

#### D. Menunaikan Ibadah Haji/Umrah

- i. Untuk anggota KOPUTRA sahaja
- ii. **Salah satu sahaja yang boleh dipohon**
- iii. Kadar Derma
  - a. Sekali sahaja dalam sepanjang keanggotaan koperasi.
  - b. **RM1,000.00** untuk menunaikan haji
  - c. **RM500.00** untuk menunaikan umrah
- iv. Borang dan dokumen
  - a. Dokumen pengesahan bukti mengerjakan haji/umrah dalam tahun berkenaan.

#### 8. Pembayaran

- 8.1** Bayaran akan dibuat selepas mendapat kelulusan dari Biro yang telah dilantik oleh Lembaga atau keputusan Anggota Lembaga Koperasi.

#### 9. Penaggantungan Derma

- 9.1** Pengeluaran derma terhad kepada jumlah kedudukan Tabung Kebajikan Am pada sesuatu masa. Jika tabung ini mengalami kemerosotan wang, maka Lembaga boleh menggantung aktivitinya sehingga kesulitan kewangan ini dapat diatasi. Anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat-surat pekeliling, email, sms dan pelbagai cara memberitahu penggantungan dan pemulihian semula Tabung Kebajika Am.

#### 10. Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am.

- 10.1** Anggota Lembaga Koperasi KOPUTRA akan diberi mandat atau dibenarkan untuk meminda sebarang syarat dalam Aturan-Aturan Tabung Kebajikan KOPUTRA dari masa ke semasa



Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

berdasarkan kepentingan KOPUTRA dan mengikut kedudukan kewangan Koperasi.

10.2 Keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga dalam menentukan kadar bantuan yang boleh diberikan kepada sesuatu permohonan itu adalah muktamad.

### 11. Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am.

11.1 Lembaga hendaklah membentangkan untuk makluman anggota-anggota koperasi di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi. Lapuran-lapuran mengenai aktiviti dan rancangan bagi masa-masa yang akan datang untuk diterima dan diluluskan.

Di akui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Pewakilan pada 24 April 2016.

Hj. Ghazali Bin Ismail  
Pengerusi

Hj. Zaharuddin Bin Alias  
Setiausaha

Sazali Bin Sajidin  
Bendahari



***KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
( KOPUTRA)***

**ATURAN  
TABUNG ANUGERAH ANGGOTA KOPUTRA**



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG ANUGERAH ANGGOTA KOPUTRA

#### A. TAJUK

- 1) Aturan ini dinamakan "Aturan-aturan Tabung Anugerah Anggota KOPUTRA"
- 2) Aturan ini diwujudkan oleh Lembaga bagi melaksanakan aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-Undang kecil dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan:

#### B. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain dalam aturan-aturan ini, maka :-

- 1) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993.
- 2) 'Undang-Undang Kecil' maknanya Undang-Undang Kecil Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- 3) 'Koperasi ini' maknanya Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 4) 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 5) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 6) 'Tabung Anugerah' maknanya Tabung Anugerah Anggota KOPUTRA yang disenggara oleh Koperasi yang di peruntukkan daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun di bawah Undang-undang Kecil 66(1)(2).

#### C. TUJUAN ATURAN

Tujuan Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9 (1) (i) Koperasi ini dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan Suruhanjaya.

Tabung Anugerah ini ditubuhkan bagi faedah anggota yang telah menjadi anggota Koperasi untuk sesuatu tempoh yang akan ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG ANUGERAH ANGGOTA KOPUTRA

#### D. TABUNG ANUGERAH

Koperasi boleh memperuntukkan sejumlah RM10,000 dari keuntungan bersih pada setiap tahun untuk dikreditkan di dalam Tabung Anugerah ini. Kumpulan wang ini hendaklah digunakan untuk memberi anugerah kepada anggota yang sediada atau sebarang faedah yang Lembaga fikirkan sesuai untuk anggota yang layak.

#### E. KEGUNAAN

Tabung Anugerah boleh digunakan setiap tahun untuk anggota yang layak dan hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Koperasi.

#### F. KELAYAKAN

- 1) Bagi tujuan aturan ini anggota hendaklah terdiri daripada orang yang telah menjadi anggota secara berterusan dalam suatu jangka masa yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- 2) Tiada anggota boleh menuntut faedah ini sebagai suatu hak.
- 3) Anggota layak memperolehi faedah ini sekali sahaja sepanjang tempoh keanggotaan mereka di dalam Koperasi.
- 4) Lembaga berhak menetapkan asas kelayakan menerima anugerah dan faedah yang lain dari semasa ke semasa mengikut kemampuan Koperasi.

#### G. FORCE MAJEURE

Jika berlaku perang , kekacauan awam , rusuhan , wabak penyakit atau apa-apa bencana alam, Lembaga boleh sekiranya dianggap perlu demi kepentingan Koperasi menggantung pengendalian Tabung Anugerah ini sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang berikutnya bagi mendapatkan kelulusan. Bayaran dari Tabung Anugerah tidak boleh dibuat semasa tempoh penggantungan dan Koperasi tidak boleh dipertanggungkan bagi mana-mana tuntutan yang mungkin dibuat dibuat semasa tempoh ini.



## **Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)**

### **ATURAN TABUNG ANUGERAH ANGGOTA KOPUTRA**

#### **H. LIABILITI ANGGOTA**

Koperasi tidak boleh dibawah apa-apa jua keadaan, meminta apa-apa bayaran samada berkala atau sebaliknya daripada anggota bagi tujuan mengendalikan tabung anugerah ini.

#### **I. KEPUTUSAN LEMBAGA**

Keputusan Lembaga terhadap semua perkara berkaitan dengan tabung anugerah ini adalah muktamad.

#### **J. REKOD**

Rekod permohonan, siasatan, tindakan dan keputusan Lembaga berhubung dengan tabung anugerah hendaklah disenggara oleh setiausaha dan bendahari.

#### **K. PENYATA AKAUN**

Lembaga hendaklah menyerahkan pada tiap-tiap tahun penyata mengenai tabung anugerah bersama dengan akaunnya yang teraudit untuk maklumat anggota Koperasi setiap tahun.

#### **L. AUDIT**

Akaun tabung anugerah ini hendaklah diaudit bersekali dengan lain-lain akaun koperasi ini setahun sekali.

#### **M. MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT AGUNG**

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung tahunan, laporan-laporan mengenai aktiviti tabung anugerah serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG ANUGERAH ANGGOTA KOPUTRA

#### N. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi mengikut Undang-Undang Kecil 80(1) Koperasi ini.

Di akui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Pewakilan pada 24 April 2016.

Hj. Ghazali Bin Ismail  
Pengerusi

Hj. Zaharuddin Bin Alias  
Setiausaha

Sazali Bin Sajidin  
Bendahari



***KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
( KOPUTRA)***

**ATURAN  
TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR  
ANAK ANGGOTA KOPUTRA**



**Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)**

**ATURAN TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR  
ANAK ANGGOTA KOPUTRA**

**A. TAJUK**

- 1) Aturan ini dinamakan "Aturan Tabung Kecemerlangan Pelajar Anak Anggota KOPUTRA"
- 2) Aturan ini diwujudkan oleh Lembaga bagi melaksanakan aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-Undang kecil dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

**B. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain dalam aturan-aturan ini,maka :-

- 1) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993.
- 2) 'Undang-Undang Kecil' maknanya Undang-Undang Kecil Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- 3) 'Aturan' maknanya aturan-aturan Tabung Kecemerlangan Pelajar Anak Anggota KOPUTRA dan sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
- 4) 'Koperasi ini' maknanya Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 5) 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 6) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).
- 7) 'Anak' maknanya anak kandung, anak angkat yang sah dan anak tiri anggota yang masih di bawah umur dua puluh empat (24) tahun, belum berkahwin dan masih ditanggung sepenuhnya oleh anggota.
- 8) 'Pemberian' ertiinya bantuan kewangan dan anugerah yang diberikan.
- 9) 'Pemohon' maknanya seorang anggota yang telah memohon mendapatkan pemberian.



## **Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)**

### **ATURAN TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR ANAK ANGGOTA KOPUTRA**

#### **C. TUJUAN**

Tujuan Tabung Kecemerlangan Pelajar Anak Anggota KOPUTRA ini diwujudkan untuk :-

- 1) Untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan anak-anak anggota yang boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dan seterusnya dapat membawa kepada perubahan minda dan sikap yang positif .
- 2) Untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pelajaran anak-anak anggota.
- 3) Memperuntukan hadiah pelajaran kepada anak-anak anggota yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan persekolahan dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
- 4) Menggalakkan anak-anak anggota untuk meningkatkan lagi tahap pelajaran mereka

#### **D. SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini diperoleh dari :-

- 1) Peruntukan daripada keuntungan bersih Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini iaitu 1% dari keuntungan bersih koperasi dan maksima RM40,000
- 2) Derma dan sumbangan daripada anggota-anggota dan lain-lain pihak.

#### **E. PENTADBIRAN**

- 1) Bagi hadiah pelajaran, Anggota Lembaga berkuasa penuh atas segala keputusan memilih dan menolak calon-calon , memberi, menahan, menyambung dan menetapkan amaun hadiah pelajaran yang hendak dikeluarkan serta memberhentikan pembayaran serta apa juar yang difikirkan munasabah oleh Lembaga.
- 2) Pengurusan dan pentadbiran ini akan diuruskan oleh Biro Pembiayaan dan Keanggotan di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan berikut :
  - i) Merancang dan mengatur program pendidikan sama ada berkaitan dengan koperasi atau bukan untuk anggota.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR ANAK ANGGOTA KOPUTRA

- ii) Merancang dan mengatur program latihan yang boleh meningkatkan kemahiran dikalangan anggota dan akhirnya dapat meningkatkan lagi taraf ekonomi dan sosial anggota.
  - iii) Bagi hadiah pelajaran, mengatur pengiklanan atau pemberitahuan tentang penganugerahan hadiah pelajaran.
  - iv) Membuat penilaian dan kajian terhadap keadaan calon.
  - v) Menjalankan sebarang tugas dan kewajipan lain yang ditentukan oleh Lembaga ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 3) Calon-calon yang dipilih untuk menerima hadiah pelajaran adalah terdiri daripada kategori berikut :

- i) Pelajar Tahun I hingga VI di mana-mana sekolah diiktiraf oleh Kerajaan.
- ii) Pelajar Tingkatan I hingga VI dan matrikulasi dimana-mana sekolah yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- iii) Pelajar Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan

#### F. JENIS HADIAH/PEMBERIAN

- 1) Hadiah/Pemberian yang dikeluarkan di bawah kumpulan wang ini adalah di dalam bentuk wang tunai atau barang kepada mereka yang layak.
- 2) Lembaga boleh menentukan anugerah-anugerah lain yang difikirkan sesuai berdasarkan kecemerlangan dalam pengajian akademik untuk mana-mana anggota atau anak-anak anggota.

#### G. NILAI HADIAH/PEMBERIAN

Nilai hadiah/pemberian yang boleh dikeluarkan pada setiap tahun hendaklah diputuskan oleh Anggota Lembaga bergantung kepada kedudukan kewangan kumpulan ini.



**Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)**

**ATURAN TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR  
ANAK ANGGOTA KOPUTRA**

**H. PERMOHONAN**

- 1) Semua permohonan untuk hadiah pelajaran hendaklah dibuat di atas borang rasmi yang disediakan oleh Koperasi ini dan dimajukan kepada Setiausaha.
- 2) Lembaga hendaklah memberitahu anggota menerusi surat pekeliling mengenai permohonan dan tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

**I. MEMPROSES PERMOHONAN**

- 1) Borang-borang permohonan, apabila diterima, hendaklah diproses oleh pengurusan KOPUTRA ini untuk menentukan permohonan-permohonan itu dibuat mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat Aturan ini sebelum diperakukan kepada Biro Pembiayaan dan Anggota dan kelulusan Anggota Lembaga.
- 2) Biro Pembiayaan dan Anggota hendaklah berdasarkan kepada bukti-bukti dan kenyataan-kenyataan yang ada di dalam borang permohonan. Biro ini seterusnya akan membuat perakuan-perakuan kepada Lembaga untuk dipertimbangkan.
- 3) Penentuan keputusan Anugerah Anak Cemerlang adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan oleh anak anggota mengikut penilaian Lembaga.
- 4) Lembaga boleh menentukan anugerah-anugerah lain yang difikirkan sesuai berdasarkan kecemerlangan dalam pengajian akademik dan kurikulum untuk anak-anak anggota.

**J. TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan kumpulan wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

**K. PENGGANTUNGAN KUMPULAN WANG**

- 1) Jika kedudukan kewangan kumpulan wang ini tidak mengizinkan lagi untuk mengeluarkan hadiah pelajaran, maka Lembaga hendaklah menggantung akan aktivitinya sehingga kedudukan kewangan pulih semula.



**Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)**

**ATURAN TABUNG KECEMERLANGAN PELAJAR  
ANAK ANGGOTA KOPUTRA**

- 2) Anggota-anggota Koperasi ini hendaklah diberitahu melalui surat-surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihian semula kumpulan wang ini.

**L. AUDIT**

Akaun kumpulan wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan lain-lain akaun Koperasi ini setahun sekali.

**M. MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT AGUNG**

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung tahunan, laporan-laporan mengenai aktiviti kumpulan wang serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

**N. PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi mengikut Undang-Undang Kecil 80(1) Koperasi ini.

Di akui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Pewakilan pada 24 April 2016.

.....  
.....  
.....

Hj. Ghazali Bin Ismail  
Pengerusi

.....  
.....  
.....

Hj. Zaharuddin Bin Alias  
Setiausaha

.....  
.....  
.....

Sazali Bin Sajidin  
Bendahari



***KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
( KOPUTRA)***

**ATURAN  
TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN  
KOPUTRA**



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN-ATURAN TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN

#### 1. Pendahuluan

- 1.1 Aturan ini dinamakan Aturan-Aturan Tabung Kebajikan Kakitangan bagi menjalankan aktiviti kebajikan Kakitangan Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Bhd (KOPUTRA) agar berjalan dalam keadaan teratur dan difahami oleh kakitangan.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil perkara 66(2)(d) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan pada Mesyuarat Agung Pewakilan dan pengetahuan Ketua Pendaftar.

#### 2. Tafsiran Berkaitan

- 2.1 "**Kakitangan**" ertinya warga kerja dalam sesuatu organisasi atau koperasi mengikut termasuk syarat perkhidmatan kakitangan koperasi ini;
- 2.2 "**Koperasi**" ertinya Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.3 "**ALK**" ertinya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung;
- 2.4 "**UUK**" ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);
- 2.5 "**Biro Modal Insan dan Pentadbiran**" ertinya satu jawatankuasa atau kumpulan yang dilantik oleh ALK bagi memantau atau menguruskan perjalanan operasi modal insan dan pentadbiran koperasi dan melaporkan kepada ALK;
- 2.6 "**Pegawai**" ertinya seseorang pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain lembaga dan termasuk Pengurus Besar Koperasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh lembaga, peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini;
- 2.7 "**Derma**" ertinya sumbangan atau pemberian wang secara ikhlas yang dikeluarkan dari Tabung Kebajikan Am mengikut aturan-aturan ini.
- 2.8 "**Suami Isteri**" ertinya suami atau isteri atau isteri-isteri kakitangan KOPUTRA ini yang sah disisi undang-undang.
- 2.9 "**Keluarga kakitangan**" ertinya termasuk suami/isteri, anak-anak kandung, ibubapa dan ibubapa mentua, dan anak-anak angkat kakitangan yang telah sah di sisi Undang-Undang Kerajaan Malaysia
- 2.10 "**Sakit**" ertinya penyakit yang memudaratkan kakitangan dan memerlukan rawatan serta disahkan pegawai perubatan.
- 2.11 "**Bencana Alam**" ertinya musibah atau malapetaka yang terjadi kepada kakitangan dan keluarga kakitangan yang disahkan oleh pihak berkuasa, ketua kampung, ketua jabatan dan majikan.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN-ATURAN TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN

#### 3. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk :-

- 3.1 Membantu perbelanjaan menguruskan kematian keluarga kakitangan dan ibubapa kakitangan.
- 3.2 Membantu meringankan perbelanjaan perubatan kakitangan, keluarga kakitangan dan ibubapa kakitangan.
- 3.3 Menderma kepada anak kakitangan kerana kecemerlangan akademik, bantuan peperiksaan dan bantuan melanjutkan ke pengajian tinggi.

#### 4. Modal Operasi dan Sumber Kewangan.

- 4.1 Kewangan bagi Tabung Kebajikan Am adalah diperolehi dari :-
  - i. Keputusan Mesyuarat Agung Tahunan yang memutuskan supaya tidak kurang dari RM 40,000.00 yang dibolehkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi perkara 66 (2) (d).
  - ii. Derma atau sumbangan dari kakitangan bergantung kepada keputusan Mesyuarat Agung Tahunan.
  - iii. Derma atau sumbangan dari anggota atau lain-lain pihak.

#### 5. Pentadbiran Tabung

- 5.1 Tabung kebajikan Am ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Koperasi atau Biro atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu. Laporan tabung ini perlu dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Koperasi.

#### 6. Kelayakan Memohon

- 6.1 Lembaga Koperasi dan Biro Modal Insan dan Pentadbiran atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu permohonan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- 6.2 Kelayakan Pemohon
  - 6.2.1 Mestilah kakitangan KOPUTRA
  - 6.2.2 Kakitangan Tetap telah berkhidmat dengan KOPUTRA melebihi 6 bulan
  - 6.2.3 Kakitangan Kontrak telah berkhidmat dengan KOPUTRA melebihi 1 tahun.
- 6.3 Dalam keadaan dimana suami isteri adalah kakitangan koperasi, maka salah seorang sahaja yang layak memohon.

#### 7. Permohonan Tabung Kebajikan Yang Dibenarkan

- 7.1 Kakitangan yang layak memohon tabung ini hanya dibenarkan menuntut hanya sekali sahaja dalam satu tahun kewangan perkara dan syarat berikut:-

##### A. Kematian.

- i. Kematian ahli keluarga dan ibubapa kakitangan



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN-ATURAN TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN

- ii. Borang dan Dokumen
    - a. Sijil Kematian
    - b. Mengisi borang yang disediakan oleh pihak KOPUTRA
  - iii. Kadar derma
    - a. Ahli Keluarga dan Ibu Bapa Kandung Kakitangan - RM500
- B. Derma Bencana Alam**
- i. Kejadian menimpa ke atas kakitangan, keluarga kakitangan dan kediaman kakitangan disebabkan bencana alam atau malapetaka.
  - ii. Borang dan Dokumen
    - a. Laporan pihak berkuasa, ketua kampung atau pihak bertanggungjawab yang telah disahkan benar salinan laporan oleh ketua jabatan/pengurus.
    - b. Gambar-gambar yang berkaitan kejadian.
    - c. Mengisi borang yang disediakan oleh pihak KOPUTRA.
  - iii. Kadar derma
    - Minima RM500 dan maksima RM3,000 bergantung kepada kelulusan Biro Pentadbiran. Kelulusan ini tertakluk kepada keputusan muktamad ALK yang boleh mempertimbangkan kadar derma yang bersesuaian
- C. Sakit Kronik Berpanjangan**
- i. Kakitangan dan keluarga kakitangan mengalami **penyakit kronik** yang disahkan oleh pegawai perubatan dan terpaksa mendapat rawatan tidak kurang dari 30 hari.
  - ii. Borang dan Dokumen
    - a. Salinan rekod perubatan
    - b. Mengisi borang yang disediakan KOPUTRA.
  - iii. Kadar derma
    - a. Kakitangan & Keluarga kakitangan - Maksimum RM500 layak sekali dalam 1 tahun kewangan koperasi sekiranya mengalami **penyakit kronik** yang berpanjangan dan telah disahkan oleh pegawai perubatan dan terpaksa mendapat rawatan tidak kurang dari 60 hari.
  - iv. Setiap permohonan perlu mengisi Borang dan Dokumen yang perlu dilampirkan
    - a. Salinan rekod perubatan
    - b. Mengisi borang yang disediakan koperasi.
- D. SAGUHATI**
- i. Kelahiran Anak – RM100 untuk kelahiran anak sehingga anak kelima sahaja.
  - ii. Perkahwinan – RM200 bagi perkahwinan yang pertama sahaja.
  - iii. Ziarah kakitangan – RM50 bagi kakitangan yang sakit di hospital dan rumah.



## Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)

### ATURAN-ATURAN TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN

#### 7.2 AKTIVITI SUKAN DAN RIADAH

Tabung Kebajikan Kakitangan ini akan menampung perbelanjaan dalam urusan dan aktiviti Sukan dan Riadah Kakitangan.

Kos Perbelanjaan bagi aktiviti Sukan dan Riadah Kakitangan KOPUTRA dibenarkan :-

- a. Aktiviti Sukan dan riadah meliputi aktiviti dalam dan luar bangunan
- b. Pembelian aset dan peralatan, sewaan gelanggang/padang dan lain-lain kos yang berkaitan dengan aktiviti sukan dan riadah.

Permohonan perlu mendapat kelulusan

- a. Kos perbelanjaan bawah RM500 kelulusan Pengurus Besar
- b. Kos perbelanjaan melebihi RM501 perlu mendapat kelulusan Biro Modal Insan dan Pentadbiran

Peruntukan dibenarkan tahunan RM10,000

#### 8. Pembayaran

- 8.1 Bayaran akan dibuat selepas mendapat kelulusan dari Biro yang telah dilantik oleh Lembaga atau keputusan Anggota Lembaga Koperasi.

#### 9. Penggantungan Derma

- 9.1 Pengeluaran derma terhad kepada jumlah kedudukan Tabung Kebajikan Am pada sesuatu masa. Jika tabung ini mengalami kemerosotan wang, maka Lembaga boleh menggantung aktivitinya sehingga kesulitan kewangan ini dapat diatasi. Kakitangan KOPUTRA hendaklah diberitahu melalui surat-surat pekeliling, email, sms dan pelbagai cara memberitahu penggantungan dan pemuliharaan semula Tabung Kebajikan Am.

#### 10. Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am.

- 10.1 Anggota Lembaga Koperasi KOPUTRA akan diberi mandat atau dibenarkan untuk meminda sebarang syarat dalam Aturan-Aturan Tabung Kebajikan Kakitangan KOPUTRA dari masa ke semasa berdasarkan kepentingan KOPUTRA dan mengikut keadaan kewangan semasa KOPUTRA.
- 10.2 Keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga dalam menentukan kadar bantuan yang boleh diberikan kepada sesuatu permohonan itu adalah muktamad.

#### 11. Makluman.

- 11.1 Lembaga hendaklah membentangkan untuk makluman kakitangan KOPUTRA di dalam Mesyuarat Kakitangan KOPUTRA. Laporan-laporan mengenai aktiviti dan rancangan bagi masa-masa yang akan datang untuk diterima dan diluluskan.



**Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(KOPUTRA)**

**ATURAN-ATURAN TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN**

Di akui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Pewakilan pada 24 April 2016.

Hj. Ghazali Bin Ismail  
Pengerusi

Hj. Zaharuddin Bin Alias  
Setiausaha

Sazali Bin Sajidin  
Bendahari